

07 MAR 1997

Mandela-Malaysia

AFRIKA SELATAN MAHU BELAJAR DARIPADA PENGALAMAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Afrika Selatan berhasrat mempelajari lebih banyak mengenai dasar-dasar ekonomi Malaysia yang terbukti berjaya menghapuskan warisan penjajahan dan kemiskinan, kata Presiden Nelson Mandela.

Beliau berkata Afrika Selatan berminat untuk menimba pengalaman Malaysia dalam melaksanakan strategi makro ekonomi bagi perkembangan peluang pekerjaan dan pembahagian semula kekayaan negara.

"Kami memilih strategi ini untuk membawa ekonomi kami ke landasan pertumbuhan baru yang akan mewujudkan lebih banyak peluang kerja dan menghasilkan sumber-sumber bagi pembinaan semula dan pembangunan," katanya di ceramah umum bertajuk +Afrika Selatan dan Malaysia: Wawasan Bersama Ke Arah Abad ke-21+ anjuran Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, di sini.

Beliau berkata Afrika Selatan diyakinkan bahawa ia perlu banyak belajar daripada pengalaman Malaysia apabila ia menyusun semula ekonominya kepada yang berorientasikan eksport dengan penekanan kepada latihan dan teknologi baru.

"Afrika Selatan mahu mewujudkan satu iklim pelaburan bagi sektor swasta kami dan pelabur dari luar dan menyusun semula ekonomi dan memberikan kuasa kepada mereka yang sebelum ini disisihkan daripada dunia perniagaan," katanya.

Sambil menyifatkan Malaysia sebagai negara model yang mengutamakan hubungan kerjasama serantau, Mandela berkata Malaysia merupakan antara sumber pelaburan asing terbesar di Afrika Selatan. Ini diperkukuhkan lagi dengan rundingan antara syarikat Telkom dari Afrika Selatan dan sebuah konsortium termasuk Telekom Malaysia.

Beliau menyanjung Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kepimpinan dan wawasannya membolehkan perdagangan kedua-dua negara berkembang pesat.

Mandela, yang tiba semalam untuk lawatan rasmi lima hari ke Malaysia, berkata termeterainya beberapa perjanjian antara kedua-dua negara pagi ini merupakan langkah ke arah meningkatkan hubungan perdagangan, pelaburan dan kerjasama.

Mandela dan Dr Mahathir menyaksikan upacara menandatangani perjanjian mengenai perdagangan dan mengelak cukai dua kali di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Beliau berkata hubungan erat antara Komuniti Pembangunan Afrika Selatan (SADC) dan ASEAN akan menguntungkan kesemua negara anggota.

Menurut Mandela ASEAN merupakan antara kawasan pertumbuhan ekonomi utama dunia dan dengan jumlah penduduk seramai 400 juta orang, suara negara-negara yang sebahagian besarnya berada di bahagian Selatan dunia itu tidak boleh diabaikan begitu sahaja oleh dunia.

Beliau berkata Afrika Selatan melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang sabar berusaha dengan jiran-jirannya untuk menggalakkan keamanan dan mewujudkan iklim yang kondusif bagi pertumbuhan dan pembangunan.

Malah, katanya perdagangan Afrika dengan Asia Tenggara berlipat ganda dalam tempoh 1993-1995. -- BERNAMA

ARA NI OBA